

19/02/2000

Muhammad sedia bantu kukuhkan parti

KUALA LUMPUR, Jumaat - Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, yang bersyukur dengan keputusan Majlis Tertinggi (MT) membenarkan beliau aktif semula, menawarkan diri membantu mengukuhkan parti di peringkat akar umbi.

Bekas Menteri Besar Selangor itu berkata, beliau sedia menjelajah seluruh negara untuk menjelaskan kepada orang Melayu mengenai pentingnya terus memberi sokongan padu kepada Umno.

"Saya yang tidak memegang sebarang jawatan dalam kerajaan mempunyai banyak masa untuk menemui rakyat, dan menjelaskan kepada mereka mengenai perjuangan Umno mengangkat martabat bangsa.

"Umno tetap relevan dari dulu hingga sekarang dan berupaya menjana pembangunan insan dan material lebih pesat untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di semua peringkat," katanya.

Beliau yang dihubungi hari ini mengulas keputusan MT semalam yang menerima beliau semula untuk aktif dalam parti.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, keputusan itu bermakna Muhammad yang sebelum ini bercuti daripada menjalankan tugas sebagai Naib Presiden Umno dan dibenarkan menghadiri semula mesyuarat MT.

Muhammad bercuti daripada menjalankan tugasnya sebagai Naib Presiden berikutan kes mahkamah yang dihadapinya pada 1997.

Berikutan penahanannya di Lapangan Terbang Brisbane, Australia pada akhir 1996 kerana kegagalannya mengisytiharkan wang tunai dalam pelbagai mata wang berjumlah RM2.7 juta, Muhammad, 53, juga meletak jawatan sebagai Menteri Besar Selangor pada April 1997.

Pada Mei 1998, mahkamah Brisbane mengisytiharkan Muhammad yang menjadi Naib Presiden sejak 1993, bebas daripada segala tuduhan manakala pada April tahun lalu Peguam Negara memutuskan untuk tidak membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi membebaskan Muhammad berikutan gagal mengisytiharkan harta milik beliau dan keluarganya.

Tahun lalu, MT tidak membenarkan Muhammad bertanding dalam pemilihan di peringkat cawangan dan bahagian kerana masih menghadapi kes mahkamah ketika itu.

Muhammad berkata, antara tugas awalnya ialah menghadiri mesyuarat mingguan Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti akan datang.

"Saya sedia memberi sepenuh khidmat sepenuh masa kepada parti bagi mengukuhkan semula keyakinan orang Melayu terhadap Umno," katanya.

Mengulas keputusan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah tidak akan bertanding jawatan Presiden atau Timbalan Presiden pada pemilihan Mei depan, beliau berkata:

"Ia menggambarkan Tengku Razaleigh lebih mengutamakan perpaduan parti dan kita seharus menyambut baik keputusan itu," katanya.

Sementara itu, bekas Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata keputusan MT jelas memperlihatkan kepemimpinan parti tidak pernah mengetepikan mana-mana tokoh yang terbukti taat kepada parti.

Malah, Muhammad sendiri katanya, tidak pernah merosakkan imej parti dan kes perundangan yang dihadapinya juga sudah dijalankan dan beliau didapati tidak bersalah.

"Ini memperlihatkan ketelusan kepemimpinan yang menerima hakikat bahawa seseorang itu yang telah teruji diterima balik untuk bergiat aktif dalam arus perdana politik," katanya.

Beliau berkata, Muhammad juga boleh berbakti dalam parti dan rakyat

walaupun tidak memegang sebarang jawatan dalam kerajaan seperti Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, suatu ketika dulu.